



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

18 Jun 2009

Pandemik influenza A(H1N1) yang telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) tahap pandemik fasa 6 pada 11 Jun 2009, sehingga kini telah melanda 88 negara dan sejumlah 39,803 kes dengan 167 kematian telah dilaporkan. Pada fasa 6 ini, penularan telah menular meluas(global spread) di mana sehingga kini penularan tempatan telah dilaporkan di 22 negara dan 8 daripadanya melaporkan penularan yang berterusan.

Di Malaysia, sehingga kini sejumlah 27 kes telah dilaporkan yang disahkan mendapat jangkitan influenza A(H1N1). Daripada jumlah tersebut, 12 telah sembuh sepenuhnya. Baki 15 kes yang terakhir masih dalam rawatan dan telah beransur pulih dengan respons yang baik kepada rawatan antiviral yang diberikan. Lokasi kes yang dalam rawatan adalah Hospital Sungai Buloh(6), Hospital Kuala Lumpur(2), Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan(1), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban(3), Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu(1), Hospital Raja Permaisuri Bainon, Ipoh(1) dan Tengku Ampuan Rahimah, Klang (1).

Daripada 27 kes yang dilaporkan, 16 kes adalah melibatkan warga Malaysia, 1 penduduk tetap Malaysia dan 10 warga asing. Untuk makluman, 26 daripada kes tersebut mendapat jangkitan sewaktu berada di luar negara yang sedang dilanda pandemik influenza A(H1N1) manakala 1 kes, yang melibatkan seorang pelajar perempuan, warga Malaysia, daripada kolej swasta tempatan, yang merupakan

close contact kepada 1 daripada kes import yang dilaporkan pada 12 Jun 2009. Semua kontak kes ini yang berjumlah 20 telah dikenal pasti dan dikenakan home quarantine. Pada masa ini terdapat seramai 160 orang *close contacts* sedang menjalani kuarantin dan kesemua mereka adalah dalam keadaan stabil tanpa symptoms jangkitan influenza.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian Mengenai Pandemik Influenza A(H1N1) 2009, yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri hari ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberikan taklimat berkaitan dengan langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang sedang diambil oleh Kerajaan seperti yang telah gariskan dalam 'National Influenza Pandemic Preparedness Plan(NIPP)' yang melibatkan pelbagai agensi. Semua pihak telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memastikan impak pandemik influenza A(H1N1) dapat diminimumkan di Malaysia. Seperti yang disarankan oleh WHO, Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri meminta supaya semua pihak perlu terus mempertingkatkan aktiviti pengawasan(vigilant) bagi tujuan mengurangkan kejadian kes dan kematian serta lain-lain kesan sosioekonomi akibat daripada penularan influenza.

Hasil perancangan dan persediaan yang teliti dengan penglibatan pelbagai agensi yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan,NIPP yang telah disediakan sejak 4 tahun yang lepas dan melalui latihan dan stockpile ubat antiviral dan alat perlindungan diri(PPE), kerajaan telah siap sedia untuk menghadapi pandemik influenza. Saya yakin dengan komitmen dan tindakan yang 'coordinated' antara pelbagai agensi kita dapat mengurangkan impak daripada pandemik ini.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Antara Kementerian Mengenai Pandemik Influenza A(H1N1) 2009 tersebut, beberapa keputusan telah dipersetujui untuk dilaksanakan untuk terus memperkukuhkan tindakan pencegahan dan kawalan yang sedang diambil.

- 1) Borang 'Health Declaration Form(HDF)' akan diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, menjadikan **wajib mengisi borang tersebut untuk semua orang yang memasuki Malaysia**. Untuk memudahkan pengurusan pengisian, borang HDF perlu diisi semasa dalam penerbangan(Kapal terbang) dan pihak penerbangan memastikan semua orang termasuk anak kapal mengisi borang dengan lengkap. Semasa mendarat, anak kapal akan menyerahkan borang kepada anggota kesihatan yang

menunggu di pintu kapal sebelum penumpang turun. Borang ini akan diwartakan dalam tempoh 1 minggu.

- 2) Pemeriksaan Kesihatan dalam Kapal terbang bagi penerbangan dari negara yang mempunyai kadar penularan yang tinggi dan risiko kepada Malaysia sebagai sumber kes import akan dilakukan. Anggota kesihatan akan memasuki kapal terbang memeriksa semua penumpang termasuk anak kapal. Pemeriksaan suhu juga akan dilakukan termasuk pemerhatian penumpang dengan tanda-tanda jangkitan influenza.
- 3) Kementerian Pengangkutan akan mengeluarkan satu garis panduan yang mewajibkan pihak pengendali pengangkutan awam terutamanya kapal terbang untuk menyediakan `mask' kepada penumpang yang ada tanda jangkitan influenza dan mereka yang `close contacts' dengan mereka(Duduk di 3 barisan hadapan dan belakang, termasuk kiri dan kanan).
- 4) Pihak Kerajaan Tempatan(PBT) diminta menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang ada pada mereka bagi memastikan semua tandas-tandas awam dijaga kebersihannya ke tahap optimum. Seperti yang kita maklum, penjagaan kebersihan diri dan persekitaran adalah penting dalam pencegahan penularan penyakit influenza dan juga lain-lain penyakit berjangkit seperti denggi, typhoid dan HFMD.
- 5) Kempen media untuk meningkatkan kesedaran orang awam akan diteruskan, bagi maksud ini Kementerian Penerangan adalah diminta untuk memastikan slot yang secukupnya disediakan dalam media-media kerajaan dan swasta. Kempen etika batuk dan penjagaan kebersihan tangan perlu diteruskan.
- 6) Golongan yang berisiko untuk jangkitan influenza adalah disyorkan untuk mendapatkan pelalian influenza(seasonal influenza).
- 7) Semua kementerian yang terlibat dengan perkhidmatan asas awam(Public essential services) seperti polis, imigresen, perlu memastikan anggota barisan hadapan mereka sentiasa menjaga kebersihan yang baik untuk memastikan mereka tidak terdedah kepada jangkitan penyakit wabak pandemik.

- 8) Aktiviti 'Social distancing'. Apabila wabak tempatan berlaku dan untuk memastikan wabak dapat dikawal dengan cekap dan berkesan, aktiviti 'social distancing' adalah satu strategi utama. Ini termasuklah tindakan menutup sekolah, institusi dan majlis-majlis perjumpaan awam. Kami memerlukan kerjasama daripada semua agensi yang terlibat bagi memastikan kepatuhan kepada arahan ini jika keperluan timbul.
- 9) Apabila keadaan menjadi tenat, di mana melibatkan kes yang tinggi serta kemungkinan kematian. Modus operasi mungkin akan berubah, seperti penggunaan fasiliti awam untuk tempat rawatan, ataupun rawatan di rumah. Bagi maksud ini Majlis keselamatan Negara akan menyelaras keperluan ini.
- 10) Orang awam yang tidak sakit tidak digalakkan melawat hospital terutamanya kanak-kanak yang berumur kurang 12 tahun, kecuali bagi tujuan rawatan. Langkah ini adalah bagi tujuan mengurangkan pendedahan atau risiko jangkitan kepada orang awam. Saranan ini adalah untuk semua hospital kerajaan dan swasta dan pihak pengurusan hospital di samping memastikan masa lawatan dipendekkan kepada tempoh yang sesuai, bilangan pelawat bagi sesuatu ketika dihadkan kepada 2 orang sahaja. Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama kepada pelaksanaan perkara ini.
- 11) Untuk meningkatkan pengawasan dan pengesanan kes, semua hospital termasuk hospital swasta diminta membuat saringan demam kepada pelawat hospital dan tenaga kerjanya. Mereka yang disyaki mengidap penyakit berjangkit perlu diberikan rawatan yang bersesuaian.

Dari masa ke semasa pihak Kementerian Kesihatan dan agensi yang terlibat akan mengeluarkan arahan-arahan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit influenza A(H1N1) yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Orang awam dan pihak yang terlibat adalah diminta untuk memberikan kerjasama yang baik bagi memastikan langkah pencegahan dan kawalan dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Semua individu diminta memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada langkah-langkah pencegahan dan kawalan influenza A(H1N1) yang sedang dijalankan oleh Kerajaan. Mereka yang ingin melawat negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1) hendaklah mengamalkan penjagaan kebersihan diri yang baik untuk mengelakkan diri daripada dijangkiti penyakit ini jika perjalanan yang dirancang itu

tidak dapat ditangguhkan. Bagi mereka yang kembali melawat daripada negara yang terjejas dengan wabak influenza hendaklah segera mendapatkan rawatan jika timbul tanda-tanda jangkitan influenza dan mengamalkan kebersihan diri yang baik bagi mengelakkan penularan penyakit kepada orang lain.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 18 Jun 2009